

Peraturan khusus urus sisa pepejal tahun depan

Usaha ke arah
zahirkan
Malaysia jadi
sebuah negara
bersih, indah

Oleh Suhaila Shahrul Annuar
suhaila.shahrul@bh.com.my

Putrajaya: Peraturan khusus bagi pengurusan sisa pepejal daripada sektor pembinaan dan sektor perindustrian, komersial dan keinstitusian (ICI) akan dikuatkuasakan secara menyeluruh bermula tahun depan.

Ketua Setiausaha Kementerian, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Mohammad Mentek, berkata usaha itu adalah ke arah menzahirkan Malaysia menjadi sebuah negara bersih dan indah selaras Dasar Kebersihan Negara.

Katanya, Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal Pembinaan yang diwartakan pada 1 November 2018 akan dikuatkuasakan sepenuhnya bermula 1 Januari 2020 di tujuh negeri yang menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672).

Negeri terbabit ialah Johor, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Perlis, Kedah serta Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Selain itu, katanya peraturan pengurusan sisa dari sektor ICI yang diwartakan pada 1 Ogos 2018 pula akan dikuatkuasakan sepenuhnya pada 1 Mac 2020.

"Dengan penguatkuasaan dua peraturan baharu ini, wujudlah Prosedur Operasi Standard (SOP) jelas untuk pengurusan sisa dari sektor pembinaan dan sektor ICI.

"Sebelum ini tiada SOP jelas, maka mereka hanya menguruskan mengikut apa yang difahami.

"Dengan adanya peraturan ini, ia memberikan satu garis

panduan kepada kontraktor atau pemaju untuk menguruskan sisa binaan berdasarkan aturan yang disediakan," katanya.

Sebagai contoh, mereka asingkan sisa binaan seperti kayu dan bekas simen, yang mana ada setengah daripadanya boleh digunakan untuk dikitar semula dan tidak perlu dibuang di tapak pembinaan.

"Kita yakin dengan pelaksanaan peraturan ini, akan mengurangkan jumlah sisa binaan yang dibuang ke tapak pelupusan.

"Mengikut data Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) jumlah sisa binaan bagi tahun ini iaitu setakat Oktober lalu adalah 5.7 juta tan, bayangkan jika ia tidak diuruskan secara efektif dan efisien sudah tentu akan memberi kesan buruk," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang selepas menyempurnakan Majlis Pengiktirafan Perkhidmatan Skim Terbaik 2019 dan Promosi Penguatkuasaan Pera-

turan Sisa Binaan, Komersial, Perindustrian dan Keinstitusian di sini, semalam.

Dalam pada itu, beliau berkata pengiktirafan Perkhidmatan Skim Terbaik adalah program tahunan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) yang diberikan kepada syarikat kongsi yang berjaya melaksanakan perkhidmatan kutipan dan pembersihan awam secara efisien, pemantauan penguatkuasaan dan pembudayaan kitar semula yang efektif.

"Sebanyak sembilan daripada 114 skim perkhidmatan telah disenarai pendek dan hanya tiga skim perkhidmatan terbaik saja yang disenarai pendek," katanya.

Pada majlis itu, skim KDA01 (Alor Setar, Kedah) dinobatkan sebagai johan apabila diiktiraf sebagai skim terbaik bagi 2019, diikuti skim PHRM01 (Rompin, Pahang) naib johan dan tempat ketiga adalah JHMR01 (Muar, Johor).



Mengikut data Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) jumlah sisa binaan bagi tahun ini iaitu setakat Oktober lalu adalah 5.7 juta tan, bayangkan jika ia tidak diuruskan secara efektif dan efisien sudah tentu akan memberi kesan buruk.

Mohammad Mentek, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan